



KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

**TEKS UCAPTAMA**

**YANG BERHORMAT NIK NAZMI NIK AHMAD  
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

**SESI TOWN HALL BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN BAGI  
MEMBINCANGKAN LANGKAH MENANGANI MASALAH  
PENCEMARAN JEREBU MERENTAS SEMPADAN**

**21 DISEMBER 2023 (KHAMIS)  
DEWAN DAMAR SARI 1  
BLOK F8, KOMPLEKS F, PUTRAJAYA**

**Yang Berbahagia Dr. Ching Thoo Kim**

Ketua Setiausaha

**Yang Berbahagia Dato' Mohamad Razif bin Haji Abd Mubin**

Timbalan Ketua Setiausaha

**Yang Berusaha Encik Muhammad Helmi bin Abdullah@Victor**

Ketua Pengarah Meteorologi

Jabatan Meteorologi Malaysia

**Yang Berbahagia Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar**

Ketua Pengarah

Jabatan Alam Sekitar

**Yang Berusaha Puan Roslinda Binti Ulang**

Setiausaha Bahagian Pengurusan Alam Sekitar

Kementerian Sumber Asli Dan Kelestarian Alam

**Yang Berusaha Encik Kamal Azira Bin Hassan**

Penasihat Undang-Undang

Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen,

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian,

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi,

Yang Berbahagia Tan Sri, Dato', Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi wa Barakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat *Allah Subhanahu Wa Ta'ala* atas rahmat dan limpah kurnia-Nya, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam dapat menganjurkan Sesi *Town Hall* bersama Pihak Berkepentingan bagi Membincangkan Langkah Menangani Masalah Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan.
2. Saya ingin merakamkan penghargaan dan mengalu-alukan kehadiran semua pada hari ini, yang terdiri daripada Yang Berhormat Ahli Parlimen, wakil kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan, Panel Penasihat dan Konsultasi lantikan Kementerian, pakar undang-undang dan alam sekitar, ahli akademik, wakil daripada sektor swasta, persatuan dan industri serta badan bukan Kerajaan (NGO). Terima kasih atas kesudian semua melapangkan masa untuk menghadiri sesi ini, yang pada saya penting untuk menangani *long standing issue* di Malaysia iaitu jerebu merentas sempadan.
3. Sebagai makluman semua, Kementerian ini sedang meneliti mekanisme terbaik yang merangkumi langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang serta meneliti keperluan penggubalan instrumen perundangan yang bersesuaian bagi menangani masalah jerebu merentas sempadan secara efektif dan holistik.

### **Perjanjian ASEAN Mengenai Jerebu Merentas Sempadan**

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Seperti semua pihak sedia maklum, isu jerebu merentas sempadan telah berlaku sejak lebih dari 20 tahun yang lalu, di mana insiden pada tahun 1997 merupakan insiden jerebu terburuk ketika itu.

Pelbagai pendekatan di peringkat tempatan dan antarabangsa telah diambil oleh Kerajaan dalam menangani masalah ini. Usaha pencegahan jerebu merentas sempadan ini telah diteruskan sehingga termeterainya Perjanjian ASEAN Mengenai Jerebu Merentas Sempadan atau *ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution* (AATHP) pada tahun 2002 yang ditandatangani oleh 10 buah negara ASEAN. Malaysia merupakan salah sebuah negara yang telah menandatangani perjanjian ini sejak tahun 2003 manakala Indonesia merupakan negara terakhir yang menandatanganinya iaitu pada tahun 2014.

5. Tidak dinafikan, pelbagai tindakan mitigasi kebakaran ladang, hutan dan tanah gambut yang telah diambil oleh semua negara ASEAN termasuk Indonesia meliputi pembinaan infrastruktur tanah gambut seperti *check dam, tube well, drainage canals, peatland firebreak* dan pembangunan kapasiti berkaitan pengurusan tanah gambut dan jerebu. Meskipun begitu, kejadian jerebu terus berulang dan insiden pada tahun 2019 adalah insiden jerebu merentas sempadan terburuk selepas AATHP dimeterai.

6. Walau bagaimanapun, **tiada tindakan punitif boleh diambil di bawah AATHP** ke atas syarikat atau negara yang menyebabkan jerebu merentas sempadan di negara-negara ASEAN yang terjejas. Di bawah perjanjian ini, semua isu dan pertikaian perlu diselesaikan secara rundingan serta kesepakatan (*amicable*).

## **Inisiatif Penggubalan Akta Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan dan Pembatalannya**

7. Rentetan itu, pada tahun 2019, Kerajaan Pakatan Harapan telah mengambil inisiatif untuk menggubal Akta Jerebu Merentas Sempadan bagi membolehkan tindakan punitif diambil ke atas individu atau syarikat yang menyebabkan jerebu di negara ini. Namun, usaha ini telah terhenti semasa peralihan kepada Kerajaan Perikatan Nasional, susulan penelitian semula kebolehlaksanaan akta ini dengan mengambil iktibar pelaksanaan akta seumpamanya oleh Singapura melalui *Transboundary Haze Pollution Act 2014*. Saya memahami, keputusan ini dibuat setelah meneliti pelbagai implikasi penguatkuasaan undang-undang dan bagi mengelakkan pembaziran sumber, sekiranya akta yang digubal tidak dapat dikuatkuasakan sepenuhnya.

## **Usaha-usaha Kerajaan Menangani Jerebu Merentas Sempadan**

8. Selanjutnya, usaha menangani jerebu merentas sempadan telah diteruskan dengan menambah baik hubungan diplomatik antara Malaysia dan Indonesia serta mengemukakan cadangan pelaksanaan hubungan dua hala melalui kerjasama teknikal berkaitan alam sekitar. Malah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengusulkan tentang kerjasama teknikal berkaitan alam sekitar ini melalui pertemuan beliau bersama Presiden Indonesia pada tahun ini. Sehingga kini, cadangan tersebut masih belum mendapat sebarang maklum balas positif daripada Kerajaan Indonesia.

9. Dalam masa yang sama, insiden jerebu merentas sempadan terus berulang. Pada bulan September dan Oktober tahun ini, negara

berhadapan dengan masalah pencemaran jerebu, meskipun tiada kebakaran tempatan berskala besar telah berlaku. Jadi, kita sudah dapat meramal dari awal lagi, bahawa punca insiden ini bukanlah berasal daripada sumber tempatan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

10. Di peringkat domestik, setiap tahun, Kerajaan melalui pelbagai kementerian, jabatan dan agensi akan berusaha untuk memastikan semua persediaan menghadapi cuaca panas dan kering dilaksanakan sewajarnya serta tindakan pencegahan pembakaran terbuka diambil khususnya di kawasan-kawasan mudah terbakar. Aktiviti rondaan dan penguatkuasaan bersepada juga telah dipertingkatkan bagi mencegah pembakaran terbuka.

11. Pada tahun ini, saya juga telah mempengerusikan 2 sesi Mesyuarat Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan iaitu pada 26 Mei dan 12 September 2023 bagi memastikan semua kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan bersiap siaga dengan langkah-langkah pencegahan pembakaran terbuka serta bersedia menghadapi kemungkinan berlakunya jerebu.

12. Kementerian juga telah mengadakan mesyuarat bersama Bursa Malaysia, Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK) dan Kementerian Luar Negeri (KLN) bagi membincangkan mekanisme pelaporan oleh syarikat-syarikat perladangan milik Malaysia dan syarikat berkaitan Malaysia yang beroperasi di luar negara bagi memastikan langkah-langkah pencegahan kebakaran ladang dan premis diambil sewajarnya.

13. Kementerian juga telah mengemukakan surat kepada syarikat perladangan milik Malaysia dan syarikat berkaitan Malaysia yang beroperasi di dalam negara dan di Indonesia untuk memastikan langkah langkah pencegahan pembakaran terbuka diambil sewajarnya untuk mengelak berlakunya kebakaran ladang dan hutan gambut yang menjadi punca utama insiden jerebu tempatan dan jerebu merentas sempadan di rantau ini. Perkembangan perkara ini juga telah saya maklumkan kepada rakan sejawat saya di Indonesia.

14. Meskipun insiden jerebu pada tahun 2023 tidak seburuk insiden yang berlaku pada tahun-tahun terdahulu, Kementerian terus komited dan sentiasa berusaha mengatasi masalah ini daripada terus berulang. Justeru itu, sesi *town hall* ini diadakan bertujuan untuk mendapatkan cadangan dan pandangan pelbagai aspek dalam menangani masalah jerebu merentas sempadan di negara ini.

### **Opsyen Tindakan, Status dan Limitasinya**

Hadirin yang dihormati sekalian,

15. Sebagaimana yang saya jelaskan, Kerajaan tidak hanya berpeluk tubuh dalam mendepani masalah pencemaran jerebu merentas sempadan. Usaha dan inisiatif berkaitan yang diambil oleh Kerajaan kerap kali dimaklumkan melalui pelbagai saluran sebelum ini. Saya juga percaya pendekatan sedia ada wajar diteruskan khususnya berkaitan pencegahan jerebu tempatan.

16. Sebagai makluman semua, *Transboundary Haze Pollution Act* (THPA) 2014 dikuatkuasakan kepada syarikat yang beroperasi di dalam dan di luar Singapura. Melihat perkembangan penguatkuasaan THPA

2014, siasatan dan pendakwaan hanya boleh dijalankan ke atas syarikat yang beroperasi di luar Singapura yang menyebabkan jerebu merentas sempadan sekiranya syarikat ini memasuki negara tersebut.

17. Dalam cadangan penggubalan akta seumpamanya oleh Malaysia pada tahun 2020, pendekatannya adalah berbeza di mana akta ini dicadang untuk dikuatkuasakan kepada syarikat di dalam negara yang mempunyai anak syarikat di Indonesia yang menyebabkan jerebu merentas sempadan. Selain itu, penggunaan teknologi terbaik, data satelit dan arah angin dicadangkan sebagai *presumption* akta ini bagi menyokong pembuktian. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, pihak Indonesia juga sering kali mempertikai data dan imej satelit yang dilaporkan oleh ASEAN *Specialised Meteorological Centre* sebelum ini. Justeru itu, perkara ini boleh mengundang pertikaian sekiranya dilaksanakan.

18. Saya juga telah meneliti instrumen perundangan yang paling berjaya setakat ini, iaitu Perjanjian Kualiti Udara Amerika Syarikat - Kanada. Terma perjanjian ini memerlukan persetujuan dan komitmen kedua-dua negara sebelum ia ditandatangani. Kejayaan perjanjian ini juga susulan terdapatnya sebuah badan yang menguruskan perjanjian tersebut. Mengambil kira cadangan kerjasama teknikal alam sekitar antara Malaysia dan Indonesia yang masih tidak mempunyai sebarang hala tuju, mungkin perjanjian seumpama ini memerlukan rundingan dua hala yang terperinci serta melibatkan tempoh masa yang panjang. Walau bagaimanapun, Kementerian akan memberikan komitmen yang tinggi untuk mencari jalan terbaik bagi menangani masalah ini.

19. Selain meneliti langkah penambahbaikan kepada Perjanjian ASEAN

Mengenai Jerebu Merentas Sempadan (AATHP), saya juga telah mengadakan perbincangan bersama ASEAN *Business Advisory Council* sebelum ini. Beberapa langkah mungkin boleh diambil bagi memastikan semua syarikat yang beroperasi di negara-negara ASEAN melaksanakan amalan kelestarian alam sekitar dalam operasi harian mereka. Namun, perkara ini juga masih dalam peringkat perbincangan awal.

### **Cadangan Bernas, Idea Baharu dan Input Pihak Berkepentingan**

20. Berdasarkan perkembangan ini, saya amat mengalu-alukan cadangan berasar, idea baharu dan perbincangan substantif melibatkan semua pihak berkepentingan pada hari ini sebagai langkah untuk menangani jerebu merentas sempadan di negara ini dengan optimis.

### **Hala Tuju Dasar Menangani Jerebu Merentas Sempadan**

21. Sebagai hala tuju, Kementerian akan mengadakan Mesyuarat Kumpulan Sasar untuk membincangkan secara terperinci hasil *town hall* ini. Susulan itu, kertas kerja dasar akan disediakan dan intipatinya akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas (Parlimen) Alam Sekitar, Sains dan Perlادangan. Ketetapan yang akan diperoleh ini seterusnya akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri untuk kelulusan pelaksanaannya.

22. Tanpa melengahkan masa saya menyerahkan kembali kepada pengacara majlis untuk memulakan sesi *town hall* ini.

Dipersilakan.